

**PERBANDINGAN TAHAP KEBOLEHBACAAN BAHAN BACAAN PILIHAN
MURID DAN GURU**

**AISYAH BINTI ADNAN
M20121000683**

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
BAHASA MELAYU
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2014**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Seterusnya perbandingan di antara tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Reka bentuk kajian yang dijalankan ini berbentuk kuantitatif deskriptif. Kajian ini telah dijalankan di empat buah sekolah rendah yang dibahagikan kepada sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Sampel kajian terdiri daripada 144 orang murid sekolah rendah yang telah dipilih oleh guru dari Tahun Satu hingga Tahun Enam. Seramai 24 orang guru Bahasa Melayu terlibat dalam kajian ini. 288 buah bahan bacaan telah dianalisis kandungannya dari aspek jumlah ayat, jumlah patah perkataan dan jumlah suku kata dengan menggunakan Formula Kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982). Hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan pemilihan oleh murid dengan guru dari aspek tahap kebolehbacaan bahan dan genre bahan bacaan. Namun demikian dapatan turut menunjukkan persamaan antara pemilihan bahan oleh guru dan murid dari aspek bahan bacaan berilustrasi. Dapatan kajian juga memperlihatkan perbezaan pemilihan tahap kebolehbacaan bahan, genre, dan ilustrasi mengikut jantina, lokasi, tahap dan tahun persekolahan murid.

COMPARISON READABILITY OF THE READING MATERIALS CHOSEN BY STUDENTS AND TEACHERS

ABSTRACT

This study is done to identify the readability level of reading materials that have been chosen by the students and teachers. Next, the comparison between reading materials of the students and teachers were made. A quantitative descriptive approach was employed. This study was conducted in four schools which were separated into two categories: urban and rural schools. The samples were 144 primary students which were selected by teachers from Standard One until Standard Six. 24 Malay Language teachers participated in this research. 288 reading materials were analyzed from the aspects of the total sentences, words and syllable by using the Readability Formula of Khadijah Rohani (1982). The results showed that there were difference between reading materials chosen by teachers and students. However, the results also revealed that there were similarity between the selection of the reading materials among the teachers and students in the aspect of illustration. These result also clearly showed that there were differences between the readability level of the materials, genre and illustration according to gender, location, grade and years of schooling.

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GRAF	xvi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Masalah Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Soalan Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.5.1 Guru Mata Pelajaran	8
1.5.2 Guru Perpustakaan	9
1.5.3 Biro Buku Teks dan Penerbit Buku	9
1.5.4 Ibu Bapa	10
1.6 Batasan Kajian	11
1.7 Definisi Operasional	12

2.6.3 Kajian-kajian Berkaitan Kebolehbacaan	62
2.7 Kerangka Konsep	71
2.8 Kerangka Analisis Kandungan Bahan Bacaan	73
2.9 Rumusan	73
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	75
3.1 Pendahuluan	76
3.2 Reka Bentuk Kajian	78
3.3 Sampel kajian	79
3.4 Instrumen Kajian	81
3.4.1 Formula Kebolehbacaan	83
3.4.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan	86
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	87
3.5.1 Lokasi Kajian	88
3.5.2 Prosedur Pemilihan Bahan Bacaan	90
3.6 Prosedur Menganalisis Data	93
3.7 Rumusan	
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pendahuluan	95
4.2 Tahap Kebolehbacaan	97
4.3 Hasil Analisis Kajian	99
4.3.1 Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid	100
4.3.2 Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru	109

4.3.3	Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru	133
4.3.4	Genre dan Ilustrasi pada Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru	157
4.3.5	Perbandingan Genre dan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru	193
4.4	Rumusan	229

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	231
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan	233
5.2.1	Perbincangan Hasil Analisis Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid	236
5.2.2	Perbincangan Hasil Analisis Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru	238
5.2.3	Perbincangan Hasil Analisis Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru	243
5.2.4	Perbincangan Hasil Analisis Genre dan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru	247
5.2.5	Perbincangan Perbandingan Hasil Analisis Genre dan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru	251
5.3	Implikasi dan Cadangan	254
5.4	Kajian Lanjutan	259
5.5	Kesimpulan	261

RUJUKAN

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan dan Darjah/Tingkatan Murid	83
3.2	Lokasi Kajian	87
3.3	Jadual Penganalisan Data Keseluruhan	91
4.1	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Secara Keseluruhan	94
4.2	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Satu Berdasarkan Jantina Dan Lokasi	100
4.3	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Dua Berdasarkan Jantina dan Lokasi	102
4.4	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Tiga Berdasarkan Jantina dan Lokasi	104
4.5	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Empat Berdasarkan Jantina dan Lokasi	106
4.6	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Lima Berdasarkan Jantina dan Lokasi	103
4.7	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Enam Berdasarkan Jantina dan Lokasi	107
4.8	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Secara Keseluruhan	123
4.9	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Satu Berdasarkan Jantina dan Lokasi	126
4.10	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Dua Berdasarkan Jantina dan Lokasi	130
4.11	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Jantina dan Lokasi	132
4.12	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Empat Berdasarkan Jantina dan Lokasi	133
4.13	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru	135

	Tahun Lima Berdasarkan Jantina dan Lokasi	
4.14	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Enam Berdasarkan Jantina dan Lokasi	136
4.15	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Secara Keseluruhan Bagi Tahap Satu	137
4.16	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Secara Keseluruhan Bagi Tahap Dua	140
4.17	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Satu Berdasarkan Jantina	143
4.18	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Berdasarkan Lokasi	144
4.19	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Dua Berdasarkan Jantina	146
4.20	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Dua Berdasarkan Lokasi	147
4.21	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Jantina	149
4.22	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Lokasi	150
4.23	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Empat Berdasarkan Jantina	152
4.24	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Empat Berdasarkan Lokasi	153
4.25	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Lima Berdasarkan Jantina	155
4.26	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Lima Berdasarkan Lokasi	156
4.27	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Enam Berdasarkan Jantina	158
4.28	Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Enam Berdasarkan Lokasi	159
4.29	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Secara Keseluruhan	163

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.30	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Satu		166
4.31	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Dua		167
4.32	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Tiga		168
4.33	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Empat		169
4.34	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Lima		170
4.35	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Enam		171
4.36	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Secara Keseluruhan		173
4.37	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Satu		176
4.38	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Dua		177
4.39	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Tiga		178
4.40	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Empat		179
4.41	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Lima		180
4.42	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Enam		181
4.43	Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Secara Keseluruhan		183
4.44	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Satu		184
4.45	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Dua		185
4.46	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Tiga		185
4.47	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Empat		186
4.48	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Lima		187
4.49	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Enam		188
4.50	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Guru Secara Keseluruhan		189
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
ORIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

	Keseluruhan	
4.51	Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Satu	190
4.52	Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Dua	191
4.53	Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Tiga	192
4.54	Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Empat	193
4.55	Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Lima	194
4.56	Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Enam	194
4.57	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Bagi Murid Tahap Satu	198
4.58	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Bagi Murid Tahap Dua	200
4.59	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Satu Mengikut Jantina	202
4.60	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Satu Mengikut Lokasi	203
4.61	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Dua Mengikut Jantina	205
4.62	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Dua Mengikut Lokasi	206
4.63	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Tiga Mengikut Jantina	207
4.64	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Tiga Mengikut Lokasi	209
4.65	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Empat Mengikut Jantina	211
4.66	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Empat Mengikut Lokasi	211
4.67	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Lima Mengikut Jantina	212
4.68	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Lima Mengikut Lokasi	214

4.69	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Enam Mengikut Jantina	215
4.70	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Enam Mengikut Lokasi	216
4.71	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Bagi Murid Tahap Satu	218
4.72	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Bagi Murid Tahap Dua	219
4.73	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Satu Berdasarkan Jantina	221
4.74	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Satu Berdasarkan Lokasi	222
4.75	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Dua Berdasarkan Jantina	223
4.76	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Dua Berdasarkan Lokasi	224
4.77	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Jantina	225
4.78	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Lokasi	226
4.79	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Empat Berdasarkan Jantina	227
4.80	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Empat Berdasarkan Lokasi	228
4.81	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Lima Berdasarkan Jantina	229
4.82	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Lima Berdasarkan Lokasi	230
4.83	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Enam Berdasarkan Jantina	231
4.84	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Enam Berdasarkan Lokasi	232

SENARAI GRAF

No. Graf		Muka Surat
4.1	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Jantina dan Lokasi Sekolah	108
4.2	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Umur	110
4.3	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	113
4.4	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar Subjek Bahasa Melayu	116
4.5	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Kelulusan Tertinggi	120
4.6	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Opsyen	123

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Visual of Reading	24
2.2	A New Model of Readability	64
2.3	Kerangka Konsep Perbandingan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru	66
2.4	Kerangka Analisis Kandungan	68
3.1	Pemilihan Sampel Kajian	74
3.2	Prosedur Pengumpulan Data	83

SENARAI SINGKATAN

Senarai Singkatan	Maksud
BM	Bahasa Melayu
Dip	Diploma
IS	Ijazah Sarjana
ISM	Ijazah Sarjana Muda
KH	Kemahiran Hidup
KS	Kajian Sosial
KT	Kajian Tempatan
Muz	Muzik
PM	Pengajian Melayu
PMSR	Pengajian Melayu Sekolah Rendah
S/KT	Sains/Kajian Tempatan
SAP	Sijil Asas Perguruan
Sej	Sejarah
SK	Sains Komputer
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TK	Tahap Kebolehbacaan

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Bahan bacaan adalah penting untuk memperluaskan pengetahuan dan penguasaan berbahasa seseorang murid. Secara umumnya, bahan bacaan merangkumi buku, akhbar, majalah, surat, brosure, terbitan berkala, dan sebagainya. Bahan-bahan bacaan ini ada dalam bentuk bercetak ataupun elektronik. Bahan-bahan bacaan yang dalam pelbagai bentuk tersebut mempunyai aras kesukaran yang berbeza-beza. Untuk mengetahui perbezaan aras kesukaran bahan bacaan tersebut, seseorang itu perlulah mempunyai pengetahuan dalam aspek kebolehbacaan. Dahlia Janan (2003)

mentakrifkan kebolehbacaan sebagai konsep untuk menentukan tahap susah senang sesebuah bahan bacaan untuk dibaca. Pengetahuan berkaitan kebolehbacaan ini boleh membantu seseorang guru untuk mengetahui darjah susah senang sesebuah bahan bacaan sebelum diberikan kepada murid. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap kebolehbacaan bahan bacaan antara murid dan guru.

Dalam bab satu ini, pengkaji turut menghuraikan latar belakang, masalah, objektif, soalan, kepentingan, batasan dan definisi operasional kajian. Kesemua aspek ini akan dihuraikan secara rinci dalam bahagian yang berikutnya.

1.1 Latar belakang

Membaca merupakan satu aktiviti yang sihat. Aktiviti ini merupakan salah satu terapi minda dalam menambah pengetahuan sedia ada. Walau bagaimanapun, untuk memperoleh ilmu pengetahuan, pemilihan dan tapisan maklumat perlu dilakukan ketika memilih bahan bacaan. Pemilihan ini dilakukan supaya ilmu yang digarap oleh penulis di dalam bahan bacaan yang dibaca dapat diserap oleh pembaca.

Di rumah, ibu bapa yang memainkan peranan dalam menyemai minat dan juga tabiat membaca terhadap anak-anak mereka. Di sekolah pula, guru merupakan ibu bapa kedua kepada murid-murid dan para pelajar. Mereka bertanggungjawab menggalas peranan ibu bapa dalam mendidik dan mengisi ilmu ke dalam diri anak-anak semasa berada di kawasan sekolah. Guru pula bertanggungjawab membentuk

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

murid-murid beracuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadi teras pegangan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Oleh yang demikian, perkembangan potensi individu setiap murid harus dikembangkan secara menyeluruh merangkumi aspek intelek, rohani, emosi, jasmani dan penambahan sosial agar pada masa akan datang murid-murid ini dapat menyumbang kepada kesediaan mereka berkhidmat dalam masyarakat.

Guru merupakan fokus utama dalam mentransformasi pendidikan seperti yang diwar-warkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Hal ini kerana guru merupakan sumber utama dalam mempertingkatkan dan memperkasakan kualiti pendidikan Malaysia. Sehubungan dengan itu, guru perlu bersama-sama menggembelng tenaga dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berbahasa yang merangkumi kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul kepada murid-murid. Dengan peningkatan kemahiran asas berbahasa ini, literasi dalam kalangan murid-murid dapat diperkasakan. Seterusnya, daya saing negara dengan negara luar dalam aspek pendidikan dapat ditingkatkan.

Memang tidak dapat dinafikan, penguasaan, penyebaran serta penambahan sesuatu ilmu pengetahuan adalah melalui pembacaan. Pemilihan bahan bacaan yang baik dan sepadan dengan pembaca dapat meningkatkan penguasaan maklumat yang baru. Bagi tujuan menambah serta meningkatkan ilmu pengetahuan, bahan bacaan yang dipilih haruslah bermanfaat untuk diguna dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Misalnya, murid-murid yang berada di sekolah rendah memerlukan bahan bacaan yang mempunyai ciri-ciri seperti: 1) perkataan-perkataan yang mudah; 2) ayat-ayat mudah yang boleh difahami dengan cepat; 3) susun atur dalaman bahan bacaan

sebagai perenggan disamaratakan atau tidak; 4) legibiliti bahan bacaan dari segi jenis tulisan, saiz tulisan, dan sebagainya; 5) ilustrasi yang dapat membantu murid-murid lebih memahami bahan yang dibaca; 6) genre bahan bacaan, sama ada berbentuk fantasi, sastera tradisional mahupun fiksyen dan sebagainya; 7) bentuk fizikal buku seperti jenis kertas yang digunakan, saiz buku sama ada besar, kecil atau lebar; dan 8) gaya penulisan yang pelbagai mengikut cita rasa penulis menjadi tarikan minat murid-murid untuk membaca (Dahlia Janan, 2011).

Kesimpulannya, guru dan ibu bapalah yang harus memainkan peranan memilih bahan bacaan yang betul, sesuai, bermaklumat, dan dapat menarik minat serta menambah pengetahuan sedia ada murid atau anak-anak. Penguasaan hasil daripada pemilihan bahan bacaan yang sesuai, dapat memperkasakan kebolehan murid menguasai kosa kata dengan lebih meluas di samping dapat mencetuskan idea yang bermanfaat seperti dalam penulisan karangan. Secara tidak langsung, murid dapat berfikir dengan matang apabila berkomunikasi, dapat mengeluarkan idea yang bernas sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu serta dapat meningkatkan keyakinan diri mereka untuk bersaing di dalam kelas.

1.2 Masalah kajian

Kajian dalam bidang kebolehbacaan yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu adalah seperti Jamilah Ahmad (1991) dan Maszuraini (2005). Pengkaji hanya menilai tahap kebolehbacaan bahan bacaan ke atas buku teks bahasa Melayu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

dan teks komponen sastera (KOMSAS) sahaja. Namun begitu, tiada kajian yang dijalankan untuk menilai tahap kebolehbacaan bahan bacaan buku-buku cerita. Maka dengan kelompangan ini, pengkaji ingin melihat tahap kebolehbacaan bahan bacaan atau buku-buku cerita yang ditempatkan di perpustakaan sekolah. Sekolah yang akan dikaji ialah sekolah rendah dan sampel yang dipilih terdiri daripada murid-murid dari tahun satu hingga tahun enam sahaja.

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Hakeem Misnan (2014), hanya mengkaji kriteria bahan bacaan yang dipilih oleh guru subjek bahasa Melayu di sekolah rendah. Namun demikian, kajian ini terhadap kepada kriteria bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru sahaja. Pengkaji tidak mengkaji tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Oleh itu, pengkaji merasa perlunya kajian lanjutan untuk mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru serta membandingkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru.

Kajian yang telah dijalankan oleh Zainiah Mohamed Isa (2008), hanya melihat ciri-ciri bahan bacaan sahaja tetapi tidak melihat aspek tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang disediakan oleh guru-guru Bahasa Melayu. Bahan bacaan yang dikaji, hanya dipilih oleh guru sahaja dan terhadap di bilik darjah prasekolah sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru-guru selain mengetahui ciri-ciri bahan bacaan yang dipilih oleh guru di sekolah rendah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Selain itu, kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) dan Zainiah Mohamed Isa (2009), hanya terhad melihat genre dan ilustrasi bahan bacaan atau kriteria pemilihan sesebuah bahan bacaan yang dipilih oleh murid atau guru sahaja. Walau bagaimanapun, para pengkaji tidak melihat aspek tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru. Kekurangan ini menjadikan, pengkaji ingin mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru, mengetahui perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru serta mengetahui genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru.

Kajian yang telah dijalankan oleh Mahzan Arshad (2007) hanya meninjau persembahan bahan bacaan untuk kanak-kanak yang diterbitkan di Malaysia. Kajian oleh Zainiah Mohamed Isa (2008) pula, berkaitan dengan ciri-ciri bahan bacaan dan terhad untuk murid di prasekolah sahaja dan tidak melibatkan murid di sekolah rendah. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui persembahan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru dari segi ilustrasi pada bahan bacaan dan genre yang dipilih oleh murid dan guru. Di samping itu juga, pengkaji ingin mengetahui bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru dari segi ilustrasi dan genre bahan bacaan di samping mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru.

Sehubungan dengan itu, pengkaji berpandangan satu kajian mengenai tahap kebolehbacaan bahan bacaan untuk murid dan di sekolah rendah wajar dijalankan bagi meninjau perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid

dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru di sekolah rendah. Menerusi kajian ini, guru mendapat pengetahuan dalam menilai sesebuah bahan bacaan sebelum dipadankan mengikut tahap perkembangan murid-murid di sekolah rendah.

1.3 Objektif kajian

Objektif kajian ini dilakukan adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid;
2. Menenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru;
3. Membandingkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih sendiri oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru;
4. Menenal pasti genre dan ilustrasi pada bahan bacaan pilihan murid dan guru;
5. Membandingkan genre dan ilustrasi pada bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh guru.

1.4 Soalan kajian

Kajian yang dilakukan ini perlu menjawab persoalan-persoalan seperti berikut:

1. Apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid?
2. Apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?

3. Apakah perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?
4. Apakah genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru?
5. Apakah perbezaan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Selain itu juga, kajian ini dilakukan untuk mengetahui jenis ilustrasi yang terdapat di dalam bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru serta mengetahui genre bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru. Oleh yang demikian, kajian ini berkepentingan kepada pihak-pihak seperti yang berikut:

1.5.1 Guru mata pelajaran

Guru-guru berperanan dalam menyediakan bahan bacaan yang bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar, terutamanya mata pelajaran Bahasa Melayu. Apa yang pasti, bahan bacaan yang bersesuaian diyakini dapat menimbulkan minat dalam diri murid-murid untuk belajar dan juga dapat membantu meningkatkan lagi pencapaian kognitif murid-murid dengan penambahan ilmu pengetahuan yang baharu. Menerusi kajian ini, guru mendapat kesedaran untuk menyediakan bahan bacaan yang pelbagai